

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI**
[KUALA KRAI]

TARIKH : **18 Jun 2014**

SOALAN :

Y.B. Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sebab mengapakah seramai 24.6 peratus daripada 174,464 graduan yang ditinjau di dalam Graduate Tracer Study Executive Report 2010 masih gagal untuk mendapatkan pekerjaan selepas 6 bulan menamatkan pengajian di pusat pengajian tinggi dan apakah langkah yang dibuat untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Laporan Kajian Pengesanan Graduan Tahun 2010, sebab utama graduan belum bekerja adalah seperti berikut:

No.	Sebab-sebab Tidak Bekerja	Peratus (%)
1.	Sedang mencari pekerjaan	71.6
2.	Menunggu Penempatan melanjutkan pengajian	16.2
3.	Ingin berehat	3.4
4.	Kerja yang ditawarkan tidak sesuai	2.1
5.	Tanggungjawab terhadap keluarga	2.5
6.	Lain-lain	2.3
7.	Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	0.7
8.	Memilih untuk tidak bekerja	0.5
9.	Masalah kesihatan	0.4
10.	Tidak berminat untuk bekerja	0.3

Justeru itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam menangani isu tersebut dengan meningkatkan kebolehpasaran graduan seperti :

- i) Membangunkan Graduate Employability Blueprint (GEB) sebagai dokumen yang menyediakan garis panduan perancangan dan tindakan dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan khususnya bagi graduan yang mendapat kurang dari 3.0 CGPA dan atau dari bidang yang kurang mendapat sambutan majikan atau industri.
- ii) Memasukkan elemen Generic Student Attribute (GSA) dan Graduate Employability Competency (GEC) di dalam kurikulum pelajar institute pengajian tinggi supaya dapat mempelajari cara dan kemahiran penampilan serta pembawaan diri yang positif sebagai seorang graduan serta mempunyai kualiti dan kompetensi yang relevan dalam bidang industry yang hendak diceburi.
- iii) Mengadakan program latihan industri dan internship dengan industri yang telah dikenal pasti boleh melatih dan mendedahkan peluang pembelajaran berasaskan *hands on*.
- iv) Mengadakan hubungan yang lebih baik dengan pihak industri supaya lebih banyak industri boleh membuka peluang kerjasama dalam membantu usaha meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan menerusi program ICoE dan 1 University 1 Industry.
- v) Menjalankan program-program Stop Gap Measures menerusi Dana Kebolehpasaran Graduan bertujuan untuk melatih graduan baru dengan kemahiran bersekaligus dengan penyediaan pekerjaan (Train and Place) kepada mereka.
- vi) Memasukkan input yang mempunyai nilai tambah ke dalam kurikulum dan ko kurikulum yang disediakan di peringkat Universiti supaya pelajar menjadi lebih berkeyakinan dan mempunyai lebih pengetahuan serta persediaan khususnya tentang dunia luar yang lebih mencabar khususnya bagi bidang yang kurang laku di pasaran.

Selain itu, KPM juga telah melancarkan Dasar Pembangunan Usahawan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bertujuan menggalak dan memantapkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan di (IPT) tempatan secara terancang dan holistik. Di bawah dasar ini, pelbagai usaha dan inisiatif telah diambil oleh pihak KPM dan IPT dalam menerapkan budaya dan nilai-nilai keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT agar meneceburi bidang keusahawan.